



NASIRUDDIN (kiri) dan Sabariah (dua kiri) bersama dengan beberapa Pegawai Kadet Palapes yang lain.

Palapes pupuk minat dalam ketenteraan

UB 2.7.13 #5

KOTA KINABALU: Niat menyertai pasukan Palapes Universiti Malaysia Sabah (UMS) secara suka-suka akhirnya berubah menjadi sesuatu yang bermakna buat Mohd Nasiruddin Osman, apabila terpilih sebagai salah seorang Pegawai Kadet Terbaik UMS.

Nasiruddin, 23, pelajar Ijazah Pengurusan Perniagaan, Kewangan dan Perbankan, Kampus UMS Labuan berkata pada mulanya, dia menyangka menyertai Palapes hanya sekadar menyertai satu unit beruniform.

Namun, apabila sudah lama menyertai Palapes (Tentera Darat), dia mula mengambil serius semua latihan yang dijalankan kerana banyak ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui Palapes.

"Pada mulanya saya ingin menyertai Palapes sebab ianya lasak tetapi ternyata ia bukan sekadar fizikal tetapi juga mengajar kami dari segi kepimpinan dan kerja dalam sepasukan," katanya ketika ditemui semasa raptai Majlis Istiadat Pentaulihan Palapes ke-32 di Dewan Canselor, di sini kelmarin.

Menurut anak muda dari Butterworth Pulau Pinang ini, walaupun dia terpaksa mengorbankan cuti semester untuk menyertai latihan Palapes, dia tidak menganggap itu sebagai perkara yang merugikan.

Sebaliknya, ia satu perkara yang menguatkan semangatnya untuk terus berusaha bersungguh-sungguh dan menimba sebanyak mana pengalaman yang boleh dengan menyertai Palapes.

"Saya anggap menyertai Palapes sebagai pro-pekerjaan kerana kami diajar untuk memimpin dan kerja dalam sepasukan.



SABARIAH



NASIRUDDIN

"Sepanjang menjalani latihan, perkara yang saya rasa mencabar adalah apabila kami berada di Fasa Medan. Semua yang dipelajari semasa teori akan diperlakukan semasa Fasa Medan," katanya.

Nasiruddin menyimpan hasrat untuk menyertai pasukan tentera darat sebagai pasukan tetap jika berpeluang meneruskan khidmatnya.

Turut sependapat dengan Nasiruddin, Sabariah Ab Rahman, 23, yang berasal dari Kuantan, Pahang yang juga berhasrat untuk meneruskan khidmat dalam pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) jika mempunyai peluang.

Katanya, membesar di sekitar Kem Tentera membuatkan dia berhasrat untuk melibatkan diri dalam bidang ketenteraan.

Minat menyertai pasukan tentera sudah ada dalam dirinya sejak kecil dan apabila mempunyai peluang untuk memilih pasukan unit beruniform untuk disertai semasa memasuki UMS, dia tidak berfikir dua kali.

"Saya terus mengambil keputusan menyertai Palapes kerana saya memang

meminati bidang ketenteraan dan saya berjaya memasuki pasukan Tentera Udara," katanya.

Sabariah berkata, menyertai pasukan TUDM agak mencabar baginya kerana kekuatan fizikal wanita tidak sehebat lelaki tetapi dia menjadikan itu sebagai motivasi diri untuk terus menjalani latihan.

Menurutnya, ketika masih junior adalah peringkat yang paling sukar baginya kerana perlu membiasakan diri dengan latihan dan arahan pihak atasaran.

Sabariah, yang juga pelajar Ijazah Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir Kampus UMS Labuan berkata, latihan dalam hutan adalah latihan yang dirasakan paling memerlukan ketahanan mental dan fizikal.

Namun, dia menjadikan itu sebagai cabaran untuk menjadi pegawai kadet yang terbaik.

Katanya, dengan menyertai Palapes, dia banyak belajar mengenai sifat kepimpinan yang akan membolehkan dia mempunyai kelebihan jika melangkah ke alam pekerjaan nanti.